

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
(GERIK)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah modul Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang baru telah benar-benar berkesan. Apakah Kementerian tidak bercadang mewajibkan semua warganegara yang berumur 18 tahun **DIWAJIBKAN** menyertai latihan atau kursus seperti kerahan tenaga yang dilakukan oleh beberapa negara lain.

JAWAPAN:

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 2.0) terbahagi kepada dua fasa. Pada fasa 1, pelatih akan menjalani latihan selama 8 minggu di kem-kem PLKN seluruh Malaysia. Manakala pada fasa 2, pelatih akan meneruskan latihan di Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta dengan kerjasama 10 Kementerian yang lain.

Pada ketika ini, kajian keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 2.0) masih belum dapat dilaksanakan memandangkan program ini masih berjalan pada fasa kedua iaitu Latihan Kemahiran yang akan berakhir pada Disember 2016.

Kementerian tidak bercadang untuk mewajibkan semua warga negara berumur 18 tahun untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara seperti mana negara lain. Kementerian akan meneruskan dasar pengambilan pelatih secara sukarela seiring dengan Transformasi PLKN 2.0 yang telah diluluskan oleh Kerajaan.